

# TRANSFORMASI PEMIKIRAN KEUSAHAWANAN BAGI DIMENSI MENGENAL PELUANG KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN OKU

(TRANSFORMATION OF ENTREPRENEURIAL THINKING FOR DIMENSION OF  
IDENTIFYING ENTREPRENEURIAL OPPORTUNITIES AMONG DISABLED PEOPLE )

Armanurah Mohamad<sup>1</sup>

Syahrina Abdullah<sup>2</sup>

Lily Julienti Abu Bakar<sup>3</sup>

## Abstrak

*Kajian ini memfokuskan kepada transformasi ilmu pemikiran keusahawanan dari aspek dimensi mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU) yang menyertai Program Transformasi OKU dalam Edu-Tourism. Program ini merupakan program pemindahan ilmu dari pihak akademia kepada pihak industri dan seterusnya pihak industri akan memindahkan ilmu ini semula kepada peserta program. Program Transformasi OKU dalam edutourism merupakan program kerjasama antara pihak UUM dan Yayasan EMKAY serta Yayasan Pulau Banding. Seramai 10 orang peserta OKU telah menyertai program ini. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau sejauh manakah transformasi mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan peserta OKU selepas mereka menyertai Program Transformasi OKU dalam Edu-Tourism untuk tempoh enam bulan. Kajian ini mendapati skor min keseluruhan mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan peserta OKU telah meningkat daripada tahap sederhana tinggi (skor min 3.74) kepada tahap tinggi (skor min 4.32) selepas mereka mengikuti Program Transformasi OKU dalam Edu-Tourism. Kajian ini menggunakan pendekatan pre-test dan post-test, di mana 16 item digunakan untuk mengukur mengenal peluang keusahawanan. Hampir semua item yang mengukur mengenal peluang keusahawanan menunjukkan peningkatan dalam skor min. Program ini didapati dapat membangun dan meningkatkan potensi pemikiran keusahawanan golongan OKU, di mana peserta OKU berupaya untuk mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan yang terdapat di persekitaran mereka. Ini seterusnya memberi kesedaran dan laluan kepada golongan OKU untuk lebih berdikari dengan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.*

**Kata kunci:** Pemikiran Keusahawanan, Mengenal Peluang Keusahawanan, Peluang Keusahawanan, Program Transformasi

---

<sup>1</sup> Sekolah Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Tel: 049284000 E-mail: armanurah@uum.edu.my

<sup>2</sup> Sekolah Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Tel: 049284000 E-mail: shahrina@uum.edu.my

<sup>3</sup> Sekolah Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Tel: 049284000 E-mail: lily@uum.edu.my

## Abstract

*This study focused on the transformation of entrepreneurial thinking knowledge for dimension of identifying entrepreneurial opportunities among disable people (DP) who were participants of DP Edu-Tourism Transformation Program. The program involved transferring of knowledge from academia to industry and then the industry will transfer the knowledge to the participants of this program. Edu-Tourism Transformation Program for DP was a joint program between UUM, EMKAY Foundation and Pulau Banding Foundation. There were ten participants of DP in this program. The objective of this study was to explore how far were the extent of the transformation of identifying entrepreneurship opportunities among the participants of DP after they attended the program for a period of six months. The study showed that the overall mean score in identifying entrepreneurial opportunities among PD had risen from a moderate high level (mean score of 3.74) to a high level (mean score of 4.32) after they participated in the program. This study used pre-test and post-test approach, whereby 16 items were used to measure identifying entrepreneurial opportunities. Almost all items that measure identifying entrepreneurial opportunities had shown an increase in their mean scores. This program was able to develop and increase the entrepreneurial thinking potential among PD, whereby DP participants were able to identify entrepreneurial opportunities that exist in their environment. Thus, it created an awareness and path for DP to be more independent by engaging in the field of entrepreneurship.*

**Keywords:** Entrepreneurial Thinking, Identifying Entrepreneurial Opportunities, Entrepreneurial Opportunities, Transformation Programme

2015 GBSEGlobal

## Pengenalan

Pembentukan seseorang usahawan bukan sahaja bermula daripada perniagaan yang diwarisi, tetapi usahawan juga dibentuk melalui pembelajaran dan latihan-latihan yang diperolehi secara formal. Antaranya ialah melalui Program Transformasi OKU dalam edu-torusim kepada golongan OKU. Pendidikan dan latihan keusahawanan berupaya mengembangkan potensi individu ke arah yang lebih kreatif dan inovatif, mengajar seseorang itu supaya mengenal peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi, di samping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap 2002).

Golongan OKU merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berdasarkan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Selain itu, OKU merupakan peribumi yang memerlukan pembelaan daripada industri yang mementingkan pembangunan insan. Yayasan Emkay dan PBF menekankan tanggungjawab sosial korporat untuk semua pihak, termasuk OKU. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan OKU ke arah yang lebih baik.

Antaranya ialah membangunkan masyarakat usahawan dalam kalangan OKU melalui pendidikan keusahawanan. Antara ciri terpenting yang perlu ada pada mereka yang bergelar usahawan ialah mengenal peluang-peluang keusahawanan. Justeru itu, pembangunan usahawan melalui pendidikan keusahawanan perlu dilaksana untuk membudaya dan menerapkan masyarakat dengan ciri tersebut tersebut. Kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama adalah untuk membincangkan proses transformasi mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan OKU menerusi modul mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan. Kedua, untuk meninjau keberkesanan transformasi ilmu mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan peserta OKU selepas mereka menyertai Program Transformasi OKU dalam *Edu-Tourism* untuk tempoh enam bulan.

### **Latar Belakang Program Transformasi Oku Dalam Edu-Tourism**

Program Tranformasi OKU melalui *Edu-Tourism* merupakan program *pioneer* yang mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ia merupakan program kolaborasi pemindahan ilmu daripada UUM (*principal*) kepada Yayasan Emkay (Yayasan) dan Pulau Banding Foundation (PBF) sebagai rakan industri (*industry partner*) bagi meningkatkan kualiti hidup dalam kalangan OKU dengan sokongan agensi berkaitan (*associate*). Program ini dijalankan oleh tenaga pakar UUM, Yayasan EMKAY dan PBF, melalui projek pemindahan ilmu berteraskan *edu-tourism* dan pengembangan bakat golongan OKU di kawasan hulu Perak. Program *Edu-tourism* menumpukan kepada latihan dan sokongan berterusan kepada OKU di kawasan sekitar Pulau Banding, Perak, dalam beberapa program berkaitan pelancongan yang bersesuaian meliputi rekreasi pendidikan dan eko-pelancongan. Dalam program ini, pihak Yayasan, PBF dan UUM akan bekerjasama dalam memantapkan aktiviti di Tasik Temenggur dan menyesuaikannya dengan keupayaan OKU bagi membina ekosistem yang mantap antara pihak Yayasan, PBF dan golongan OKU yang disasarkan. Dalam pemindahan ilmu ini UUM, Yayasan Emkay dan PBF memastikan golongan OKU tidak hanya akan disisihkan malahan dibantu dengan menggunakan kepakaran yang sedia ada. Dengan usaha yang tulen untuk memastikan nilai sosial diwujudkan di samping nilai ekonomi, organisasi seperti Yayasan EMKAY dan PBF akan mendapat faedah daripada UUM yang mempunyai kepakaran di dalam menyediakan modul-modul latihan bagi pengendalian *Edu-tourism* dalam bidang keusahawanan. Ia akan memberi faedah bukan sahaja kepada Yayasan EMKAY, PBF dan UUM, tetapi juga kepada pihak penerima, iaitu OKU.

### **Pemikiran Keusahawanan**

Pemikiran keusahawanan ini adalah konsep pemikiran yang tidak berstruktur, iaitu bukan secara tradisional dan lurus, tetapi ialah pemikiran yang memfokuskan kepada membuat perbezaan daripada orang lain (Clouse et al. 2003; Higdon 2005; Kuratko 2009; Armanurah 2014). Mereka yang memiliki pemikiran keusahawanan berupaya berfikir di tahap yang tinggi dan kompleks. Mereka sabar mempelajari sesuatu, dan mempunyai keupayaan untuk menangani hal-hal yang kompleks dan kabur dengan berkesan. Mereka sentiasa terdorong untuk melihat sesuatu dengan cara yang lebih meluas, mampu mengikut arus perubahan dan mengurus kemampuan syarikatnya

untuk berindak balas ke atas kejutan dan kekaburuan sebagai peluang-peluang untuk inisiatif baru, mempunyai kualiti diri seperti pengetahuan, analitikal, strategik, fleksibel, sensitif dan terbuka.

Berpandukan kepada konsep pemikiran keusahawanan daripada kajian-kajian lepas dan dari pemikir-pemikir dalam bidang keusahawanan (Clouse et al. 2003; Timmons & Spinelli 2004; dan Higdon 2005; De Bono 2006; Norashidah 2009; Armanurah 2014), kesemua mereka hampir sepakat tentang dimensi pemikiran keusahawanan, iaitu terdapatnya elemen mengenal peluang, kreativiti dan inovasi, kesanggupan menanggung risiko dan toleransi kepada kekaburuan. Namun untuk tujuan perbincangan dalam kertas kerja ini, elemen pemikiran keusahawanan yang diberi fokus ialah mengenal merebut peluang.

### **Peluang Keusahawanan**

Peluang keusahawanan didefinisikan oleh Kirzner (1997) sebagai keperluan pasaran yang tidak dapat dipenuhi dengan tepat, sumber-sumber atau keupayaan yang tidak digunakan atau kurang digunakan. Peluang wujud disebabkan oleh perjumpaan sesuatu yang baik secara tidak sengaja, melalui pencarian kepada peluang atau penciptaan kepada peluang (Alsos & Kaikkonen, 2004). Menurut De Bono (2006) untuk menukar idea kepada peluang yang sebenarnya memerlukan pemikiran dan ini melibatkan masa dan usaha untuk berfikir. Mengikut beliau lagi, tujuan utama pemikiran ialah untuk memformulasikan idea peluang. Kedua ialah untuk menilai faedah peluang. Ketiga ialah untuk memastikan kebolehlaksanaan peluang.

Dalam merebut peluang, individu yang mempunyai pemikiran keusahawanan akan mengenal pasti dan merebut peluang berasaskan kepada latar belakang, pengalaman dan perhubungan mereka (Higdon 2005). Kenyataan merebut peluang ini disokong oleh kajian Alsos & Kaikkonen (2004) yang menegaskan bahawan perbezaan dalam proses penjanaan peluang dalam kalangan usahawan adalah berkait rapat dengan situasi usahawan, pengalaman-pengalaman lepas mereka dan jaringan sosial mereka.

Menurut Rae (1999), pengalaman-pengalaman lepas yang diperolehi oleh peniaga atau usahawan dapat membentuk pemikiran yang membolehkan mereka membuat persepsi, menapis, menganalisis, membuat keputusan dan bertindak dengan berkesan terhadap sesuatu peluang perniagaan berbanding dengan individu lain. Selain itu Shane (2000) menyatakan bahawa peluang perniagaan boleh dikenali oleh usahawan melalui pengetahuan pasaran, pengetahuan memenuhi keperluan pasaran dan pengetahuan daripada masalah pelanggan. Manakala Kuratko & Hodgetts (2004) dan Ucbasaran et.al. dalam Alsos (2004) menyatakan peluang perniagaan boleh dikenal pasti daripada keadaan dan perubahan yang berlaku dalam persekitaran serta menterjemah dan memproses maklumat persekitaran tersebut melalui keupayaan keusahawanan.

### **Metodologi**

Kajian ini melibatkan kesemua peserta orang kelainan upaya (OKU) yang menyertai Program Transformasi OKU dalam *Edu-tourism*, iaitu seramai 10 orang. Ilmu keusahawanan berkaitan

pembangunan pemikiran keusahawanan dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU) menerusi proses mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan telah dipindahkan daripada pihak akademia UUM dalam bidang keusahawanan kepada 25 orang staf dari Yayasan Pulau Banding, dan Yayasan EMKAY. Seterusnya staf yang berminat untuk melibatkan diri dalam Program Transformasi OKU dalam *Edu-tourism*, daripada dua-dua agensi ini bertindak sebagai fasilitator yang bertanggang jawab untuk memindahkan ilmu berkaitan *Edu-tourism* kepada peserta OKU. Salah satu ilmu yang dipindahkan kepada peserta OKU ini ialah proses mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan.

Bagi meninjau keberkesanan transformasi modul mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan peserta OKU yang menyertai program ini, pengkaji telah menjalankan kajian berbentuk *pre test* dan *post test*. Instrumen yang digunakan untuk *pre test* dan *post test* dalam kajian ini adalah diadaptasikan daripada instrumen mengenal peluang keusahawanan yang dibangunkan oleh Armanurah (2014) yang terdiri daripada 16 item.

Soal selidik *pre-test* diedarkan untuk diisi oleh semua peserta OKU sebelum fasilitator memindahkan modul mengenal *Edu-tourism* kepada mereka. Di akhir program, iaitu setelah peserta OKU mengikuti kesemua modul latihan dalam tempoh enam bulan, pengkaji telah mengadakan *post test* kepada peserta OKU dengan mengedarkan soal selidik yang sama seperti dalam *pre test*. Tujuannya adalah untuk meninjau kesan pemindahan modul mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan peserta OKU. Pengkaji tidak menjalani *post test* sejurus selepas menyampaikan modul latihan mengenal peluang keusahawanan kerana bagi memberi ruang kepada peserta OKU untuk mendalami kesemua modul berkaitan *edu tourism* dengan harapan mereka dapat mengaitkan modul latihan mengenal peluang keusahawanan yang telah dipelajari dengan modul-modul lain bagi program ini.

Untuk mengukur sejauh manakah transformasi mengenal peluang keusahawanan kepada peserta OKU, interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1 diguna bagi menentukan tahap mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan OKU sebelum dan selepas mereka mengikuti Program Transformasi OKU dalam *Edu-Tourism*. Tahap skor min bagi mengenal peluang keusahawanan dibahagikan kepada empat tahap, iaitu tahap rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi.

Jadual 1 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Norasmah et al. 2006

## Dapatkan

Analisis secara terperinci mengenai tahap mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan OKU sebelum dan setelah mereka menyertai Program Transformasi OKU dalam Edu-Torusim adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Mengenal Peluang Keusahawanan dalam Kalangan OKU Sebelum dan Selepas  
 Menyertai Program Transformasi OKU dalam Edu-Tourism

Item Mengenal Peluang Keusahawanan	Sebelum					Selepas				
	Min	KM	SP	Interpretasi Skor Min	Min	KM	SP	Interpretasi Skor Min	Kesan/Perubahan	
1. Saya percaya idea perniagaan mempunyai kaitan dengan keperluan masyarakat.	4.00	4	1.247	Sederhana Tinggi	4.63	2	.518	Tinggi	meningkat	
2. Saya suka mencari idea-idea yang boleh ditukar kepada peluang perniagaan.	3.80	7	1.033	Sederhana Tinggi	4.38	6	.744	Tinggi	meningkat	
3. Saya suka mengikuti perubahan gaya hidup masyarakat.	3.70	10	1.059	Sederhana Tinggi	3.88	16	.991	Sederhana Tinggi	meningkat	
4. Saya percaya semua masalah masyarakat merupakan peluang perniagaan.	3.30	14	1.418	Sederhana Tinggi	4.00	15	1.069	Sederhana Tinggi	meningkat	
5. Saya suka mencari peluang perniagaan yang sesuai dengan minat saya.	4.20	2	.919	Tinggi	4.38	6	.518	Tinggi	meningkat	
6. Saya suka fikir produk baru yang boleh memberi manfaat kepada pengguna.	3.90	6	.876	Sederhana Tinggi	4.38	6	.518	Tinggi	meningkat	
7. Saya sentiasa menganalisis faedah daripada peluang-peluang perniagaan yang saya kenal pasti.	3.70	10	.949	Sederhana Tinggi	4.25	9	.707	Tinggi	meningkat	
8. Saya suka memilih untuk melakukan sesuatu yang sesuai dengan kemampuan saya.	3.60	12	.843	Sederhana Tinggi	4.50	3	.756	Tinggi	meningkat	
9. Saya percaya bahawa saya boleh membuat kerja dengan baik jika melakukannya secara berbeza daripada orang lain.	2.90	16	1.370	Sederhana Rendah	4.50	3	.535	Tinggi	Meningkat	
10. Saya sering berfikir bagaimana menukarkan konsep tradisional kepada cara baru.	3.20	15	1.135	Sederhana Tinggi	4.13	12	.991	Tinggi	meningkat	
11. Saya rasa gembira apabila menemui penyelesaian yang baik untuk masalah-masalah yang belum pernah orang lain selesaikan.	3.60	12	1.075	Sederhana Tinggi	4.25	9	.463	Tinggi	meningkat	

12 .Saya percaya untuk berjaya, sesebuah syarikat mesti menggunakan amalan perniagaan yang mungkin sekali imbas dilihat luar biasa.	3.80	7	.919	Sederhana Tinggi	4.75	1	.463	Tinggi	meningkat
13.Saya rasa sungguh seronok apabila berfikir idea-idea baru bagi meransang perniagaan.	4.10	3	.994	Tinggi	4.50	3	.535	Tinggi	meningkat
14 Saya sering mendekati Peluang- peluang perniagaan dalam cara yang unik.	4.00	4	.667	Sederhana Tinggi	4.13	12	.641	Tinggi	meningkat
15. Saya rasa seronok menjadi pemangkin kepada perubahan dalam hal-hal perniagaan.	4.33	1	.500	Tinggi	4.25	9	.707	Tinggi	menurun
16. Saya kerap fikir idea-idea baru apabila saya berada dalam keadaan relaks.	3.78	9	.441	Sederhana Tinggi	4.13	12	4.13	Tinggi	meningkat
Min Keseluruhan	3.74			Sederhana Tinggi	4.32			Tinggi	meningkat

KM= Kedudukan Min; SP=Sisihan Piawai

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa skor min keseluruhan mengenai peluang keusahawanan dalam kalangan peserta OKU telah meningkat daripada tahap sederhana tinggi (skor min 3.74) kepada tahap tinggi (skor min 4.32) selepas mereka mengikuti kesemua modul bagi Program Transformasi OKU dalam *Edu-tourism*. Hampir semua item yang mengukur mengenai peluang keusahawanan menunjukkan peningkatan dalam skor min. Selepas mengikuti program ini, 14 item mengenai peluang keusahawanan berada di tahap tinggi berbanding dengan sebelumnya di mana hanya 3 item sahaja pada tahap tinggi dan terdapat item yang berada di tahap sederhana rendah, iaitu item 9 (skor min 2.90). Namun selepas mengikuti program ini item 9 telah melonjak ke tahap tinggi dengan skor min 4.50 dengan kedudukan min ketiga tertinggi. Item 9 juga menunjukkan peningkatan skor min tertinggi daripada 16 item yang diukur.

Sebelum mengikuti Program Transformasi OKU dalam *Edu-tourism* daripada 16 item yang diukur dalam dimensi mengenai peluang, item yang mempunyai skor min tertinggi skor min (4.33) ialah item 15. Item ini ialah ‘Saya rasa seronok menjadi pemangkin kepada perubahan dalam hal-hal perniagaan. Item kedua yang mempunyai min skor tertinggi (4.20), ialah ‘Saya suka mencari peluang perniagaan yang sesuai dengan minat saya’. Seterusnya item yang mempunyai kedudukan skor min ketiga tertinggi (4.10) ialah item 13 iaitu, ‘Saya rasa sungguh seronok apabila berfikir idea-idea baru bagi meransang perniagaan’. Manakala item yang mempunyai skor min terendah ialah item 9 (2.90), iaitu ‘Saya percaya bahawa saya boleh membuat kerja dengan baik jika melakukannya secara berbeza daripada orang lain’. Ini diikuti oleh item 10 (skor min 3.20) dan item 4 (skor min 3.30), iaitu masing-masing ‘Saya sering berfikir bagaimana menukar konsep tradisional kepada cara baru’ dan ‘Saya percaya semua masalah masyarakat merupakan peluang perniagaan’.

Selepas mengikuti Program Transformasi OKU dalam *Edu-tourism* 3 item yang mempunyai skor min tertinggi ialah item 12 (skor min 4.75), item 1 (skor min 4.63) dan item 9 (skor min 4 .50) yang masing-masingnya ialah ’Saya percaya untuk berjaya, sesebuah syarikat mesti

menggunakan amalan perniagaan yang mungkin sekali imbas dilihat luar biasa', Saya percaya idea perniagaan mempunyai kaitan dengan keperluan masyarakat', dan 'Saya percaya bahawa saya boleh membuat kerja dengan baik jika melakukannya secara berbeza daripada orang lain'. Manakala item yang mempunyai min terendah ialah item 3 (skor min 3.88), item 4 (skor min 4.0) dan item 10, 14 di mana ketiga-tiga item ini berkongsi skor min 4.13.

### **Perbincangan dan Kesimpulan**

Kajian ini mendapati Program Transformasi OKU dalam *Edu-tourism* yang mengembelngkan pendidikan *edu-tourism* dengan pendidikan dan latihan keusahawanan yang memfokuskan kepada mengenal peluang keusahawanan dapat menjadikan peserta OKU lebih peka dalam mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan dalam pelbagai persekitaran. Program ini didapati dapat membuka minda keusahaan peserta OKU. Di samping itu, ianya mampu membangun dan meningkatkan potensi pemikiran keusahawanan di mana peserta OKU berupaya untuk mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan dalam persekitaran yang diberi. Program ini telah mengajar peserta OKU mengenal peluang-peluang keusahawanan dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya serta menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi. Pogram Transformasi OKU dalam *Edu-tourism* ini dapat memberikan peserta lebih keyakinan dan motivasi diri untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Ini seterusnya memberi kesedaran dan laluan kepada golongan OKU untuk lebih berdikari dan sama-sama terlibat dalam menterjemahkan agenda pembangunan negara memandangkan bidang keusahawanan merupakan indikator penting dalam pembangunan sesebuah negara.

### **Rujukan**

- Alsos, G.A & Kaikkonen V. 2004. Opportunity recognition and prior knowledge: a study of experienced entrepreneurs. NCSB 2004 Conference 13<sup>th</sup> Nordic Conference on Small Business Research.
- Armanurah Mohamad. 2014 . Penilaian Pelaksanaan Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Clouse, R. W., Goodin, T., Davey, M & Jeff Burgoyne, J. 2003. Entrepreneurs In Action: An Integrated Approach To Problem Solving Via The Internet.
- De Bono, E. 2006. *Edward De Bono Thinking Course: Powerful Tools to Transform Your Thinking*. England: BBC Active
- Higdon, L. J. 2005. Liberal Education And The Entrepreneurial Mindset A Twenty-First-Century Approach. <http://www.aacu.org/liberaleducation/le-wi05/le-wi05perspective2.cfm> [21 Januari 2007].
- Kuratko, D. F. & Hodgetts R.M. 2004. *Entrepreneurship Theory Process Practice*. Ed. ke-6. Ohio: South-Western, Thompson Corporation.
- Kuratko, D.F. 2009. *Introduction to Entrepreneurship*. Ed. ke-8. US: South-Western, Cengage Learning.
- Norasmah Othman, Halimah Harun, Faridah Karim, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Noraishah Buang. 2006. Pembentukan indeks tingkah laku keusahawanan golongan remaja sekolah Malaysia: Laporan akhir projek IRPA Universiti Kebangsaan Malaysia 07-02-02-0036 EA 276.

- Shane, S. 2000. Prior knowledge and the discovery of entrepreneurial opportunities. *Organization Science* 11(4): 448-469.<http://www.sciencedirect.com/science?> [3 Januari 2006].
- Timmons J. A. & Spinelli S. 2004. *New Venture Creation Entrepreneurs for the 21<sup>st</sup> Century*. Ed. ke-6. New York: McGraw Hill/Irwin.
- Yap, P. M. 2002. Kesediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.